

Dr. M sifatkan lawatan berjaya

Ⓟ Dr. M - overseas trips. U.M. - 7 FEB 1994

Daripada KHALID MOHD.

DAVAO CITY (Mindanao) 6 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan lawatannya ke Filipina yang tamat hari ini sebagai berjaya mencapai matlamat memulihkan hubungan yang dingin selama 30 tahun lalu.

Perdana Menteri menegaskan, lawatan ini juga telah meletakkan asas yang kukuh bagi hubungan baru dalam kerjasama ekonomi.

Sebelum berlepas ke tanah air dari sini petang ini, Perdana Menteri memberitahu para wartawan Malaysia: "Kita telah pun menjalinkan satu hubungan yang perlu dipupuk terus untuk kepentingan bersama."

Lawatan Dr. Mahathir, yang pertama oleh Perdana Menteri Malaysia, dalam masa 30 tahun, dianggap sebagai lawatan bersejarah yang membuka lembaran baru antara Malaysia dan Filipina.

Selama empat hari bera-

da di Filipina, Dr. Mahathir telah diberi sambutan yang begitu mesra oleh pemimpin dan rakyat negara ini.

Dalam ucapan-ucapan mengalu-alukan kedatangannya, mereka menyifatkan beliau sebagai seorang Perdana Menteri yang berani, berpandangan jauh dan dikagumi kerana kelantangannya memperjuang hak-hak negara kecil.

Para pemimpin itu, termasuk Presiden Ramos sendiri, menyifatkan rakyat Malaysia sebagai serumpun dengan mereka dan apa yang berlaku 30 tahun yang lalu tidak sepatutnya berlaku.

Berucap kepada kira-kira 3,000 penduduk Mindanao yang menyambut ketibaannya dari Manila pada sebelah pagi ini, Dr. Mahathir berkata, beliau juga begitu gembira berada di kalangan 'saudara-mara kita' terutama sekali penduduk di wilayah selatan ini.

Adalah amat jelas, tanggapan para pemimpin dan

rakyat Filipina terhadap Malaysia sudah bertukar sama sekali berbanding dengan masa-masa lampau.

Isu Sabah, yang pernah menimbulkan rasa tidak senang mereka terhadap Malaysia, langsung tidak ditimbulkan lagi. Malah, mereka kini melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang patut dicontohi.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, Malaysia bersedia berkongsi pengalaman dengan Filipina dalam apa juga bidang dan amat komited dalam usaha membangunkan Kawasan Pertumbuhan Timur ASEAN (EAGA) di antara Filipina, Malaysia, Brunei dan Indonesia.

Beliau yakin, apabila projek pembangunan ini terlaksana kelak, rakyat kesemua negara yang terlibat akan dapat menikmati satu kemakmuran baru.

Tegasnya, kerjasama seperti inilah yang akan merapatkan hubungan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, sebagai seorang keturunan Melayu yang mempunyai sejarah 'orang berani', rakyat Malaysia dan Filipina hendaklah bekerja keras kerana terdapat satu masa depan yang gemilang di rantau ini dari segi ekonomi.

Semasa di Davau, Dr. Mahathir diberi taklimat tentang rancangan pembangunan wilayah Mindanao dan kemudiannya di bawa melawat ke pusat ternak mutiara, yang juga sebuah tarikan pelancong.

Beliau juga menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman antara Lembaga Urusan dan Tabung Haji dengan Yayasan Wakaf Haji Filipina. Di bawah kerjasama ini, Tabung Haji akan membantu pihak yayasan itu untuk mengatur dan menguruskan penghantaran jemaah haji negara itu ke Mekah. — *Utusan*.